

**Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/JLD 12 (10)**

## **KENYATAAN AKHBAR**

### **BANTUAN AIR KEPADA PENDUDUK PETALING JAYA**

Penutupan loji rawatan air Cheras Batu 11 dan Bukit Tampoi sejak 28 Januari yang lalu menyebabkan beberapa kawasan Petaling Jaya mengalami gangguan air tidak berjadual, bertekanan rendah malah terputus bekalan berikutan pertambahan permintaan air secara mendadak ekoran cuaca panas kering dan kekurangan hujan.

Bermula 25 Februari 2013 catuan air di seluruh kawasan di Selangor akan bermula dan setiap pemegang meter air akan menerima air secara berjadual iaitu menggunakan sistem penggiliran antara dua zon setiap dua hari.

Penjadualan itu akan berterusan hingga Mac depan selepas taburan hujan konsisten dan kapasiti air di empangan negeri bertambah atau berada dalam keadaan seperti sedia kala.

Bagi mengatasi masalah bekalan air ini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menubuhkan satu pelan tindakan khas bagi mengatasi permasalahan tersebut.

MBPJ akan bertindak membantu penduduk Petaling Jaya yang kritikal dengan menempatkan tangki statik untuk kegunaan penduduk sehingga bekalan kembali pulih.

Sebanyak 18 unit tangki statik dan 3 buah lori tangki air akan disediakan oleh MBPJ di lokasi-lokasi kritikal berdasarkan aduan yang diterima daripada orang awam dan 7 daripada tangki statik tersebut telah ditempatkan di beberapa buah lokasi "hot spot" antaranya 2 di tapak pasar Lembah Subang, 1 di PPR Lembah Subang, 1 di tapak pasar Pelangi Damansara, 2 di PPR Pelangi Damansara dan 1 di tapak pasar Kayu Ara.

Tindakan segera yang diambil oleh Majlis ini adalah bertujuan untuk membekalkan bekalan air ke kawasan yang terjejas di kawasan pentadbiran Petaling Jaya sahaja.

Di samping itu, MBPJ akan membuat pengisian semula tangki-tangki statik tersebut secara berjadual dan turut menjalankan rondaan pemantauan paras air di semua tangki statik yang disediakan.

Sehubungan dengan itu, Majlis juga telah membuka bilik gerakan menangani isu air dan orang ramai di Petaling Jaya boleh menghubungi talian hotline 03-79542020 atau e-melkan kepada [aduan@mbpj.gov.my](mailto:aduan@mbpj.gov.my).

MBPJ menasihatkan para pengguna yang terlibat dalam gangguan tersebut untuk menggunakan air secara berhemah dan menyimpan air secukupnya untuk digunakan kerana kemampuan bekalan air ini amat terhad dan tidak mampu memenuhi permintaan semua pengguna pada waktu yang sama.

Disediakan oleh:

**Sekretariat Media  
Unit Perhubungan Awam  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Bertarikh: 22 Februari 2014

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,  
twitter : [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel : [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/208,  
Faks : 03-79582695. ([Puan Zainun bt Zakaria](#), / [En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar](#))